



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

Celik Kewangan: Pelajar Perlu Bijak Uruskan Kewangan Diri

Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis



Setiap individu mempunyai keperluan kewangan yang berbeza-beza berdasarkan keperluan dan gaya hidup masing-masing. Dalam kehidupan yang semakin mencabar, penting bagi setiap individu untuk menguruskan perbelanjaan dengan bijak dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup bagi keperluan harian. Perbelanjaan berhemah dapat mengelakkan kebocoran simpanan dan menjaga keseimbangan kewangan dalam situasi ekonomi yang lebih mencabar.

Sikap berjimat semasa berbelanja dan membuat simpanan perlu di pupuk sejak muda seperti peribahasa melentur buluh biarlah dari rebung. Zaman ini ramai pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti kehilangan arah apabila hendak menguruskan wang mereka. Akibatnya wang banyak dihabiskan untuk perkara yang merugikan berbanding perkara yang perlu. Terimalah hakikat bahawa anda sebenarnya masih belajar dan tidak ada sumber pendapatan tetap untuk bersukaria, yang ada hanya wang untuk sara hidup di kampus.

Selain belajar ilmu akademik di IPT, ilmu kehidupan lain juga boleh mula dipraktikkan, terutamanya bab jimat belanja dan mulakan simpanan. Belanjalah wang yang ada untuk perkara keperluan terlebih dahulu agar tidak putus wang nanti. Manakala, untuk simpanan pula, pelajar boleh mulakan dengan peruntukkan sebanyak 20 peratus daripada jumlah yang diterima.

Sebagai contoh, jika pelajar menerima pinjaman pendidikan sebanyak RM2,000 untuk 1 semester, mereka boleh buat simpanan awal sebanyak RM400. Tempoh pengajian 1 semester adalah lebih kurang 5 bulan, maka simpanan bulanan sebanyak RM80. Jumlah ini amat memadai bagi individu yang berstatus pelajar sebagai sumber simpanan mereka.



Bagi pelajar yang menerima wang saku yang lebih tinggi, contohnya RM700 sebulan, mereka digalakkan menyimpan sebanyak RM140 sebulan. Lebih banyak pelajar mampu simpan, lebih tinggi jumlah simpanan yang mereka ada semasa mereka tamat belajar nanti. Sikap suka menabung walaupun serendah RM50 sebulan ini akan membantu meningkatkan simpanan pelajar dalam tempoh tiga hingga empat tahun kepada jumlah yang sewajarnya, menjadikan para pelajar lebih yakin dan bersedia apabila tamat pengajian.

Karakter ini boleh memacu pelajar dalam memiliki kesedaran kewangan yang tinggi agar mampu membuat keputusan kewangan yang bijak kelak. Dengan berbekalkan simpanan RM80 sebulan selama 3 tahun, pelajar mampu mempunyai wang berjumlah RM3,000 ketika tamat pengajian. Wang ini boleh dijadikan modal untuk memulakan kehidupan baru Ketika bekerja nanti. Jadi, kuranglah kebergantungan terhadap ibubapa semata-mata untuk mendapatkan keperluan kehidupan.

Dalam keadaan ekonomi pasca Covid-19 ini, pengurusan wang adalah sangat penting bagi peningkatan kualiti hidup serta meneruskan kesinambungan kehidupan. Ilmu pengetahuan berkaitan literasi kewangan meliputi simpanan atau tabungan, perbelanjaan, perlindungan insurans atau takaful dan juga pelaburan sangat penting. Para pelajar perlu peka dan cakna terhadap isu kewangan ini agar perjalanan akademik mereka lebih lancar.

Bagi membantu pelajar melaksanakan inisiatif jimat dan simpan, dititipkan beberapa tip yang boleh digunapakai sebagai asas pengurusan kewangan. Pertama, pelajar perlu membuat bajet perbelanjaan yang dijangka berlaku sepanjang semester pengajian mereka. Antara keperluan pembelajaran seperti buku, nota, peralatan, tambah nilai internet dan lain-lain yang dirasakan perlu. Dengan adanya bajet ini, pelajar tidak akan terbabas untuk berbelanja secara boros.



Kedua, pelajar harus mencatat segala perbelanjaan yang dilaksanakan agar mereka dapat menilai semula semasa proses semakan pada setiap hujung bulan atau semester. Kaedah sebegini mampu untuk memudahkan pelajar mengenal pasti kelemahan dalam tabiat perbelanjaan melalui analisis ke atas perbelanjaan yang telah direkodkan. Cara ini juga dapat membantu pelajar membuat penambahbaikan terhadap bajet pada tempoh seterusnya.

Ketiga, pelajar perlu ada sikap bertanggungjawab terhadap kewangan sendiri dan sentiasa mengawal perbelanjaan secara bijak. Semasa tinggal bersama keluarga, semua perihal kewangan diuruskan oleh ibu bapa, kini pelajar perlu ambil tanggungjawab ini sendiri ketika di kampus. Perlu di ingat, jika pelajar gagal menguruskan kewangan secara bijak, kemungkinan mereka akan hadapi situasi tidak cukup belanja sebelum sampai masanya.

Mulakanlah langkah bijak seawal mungkin agar kesannya nanti dapat dinikmati untuk masa yang panjang. Tabiat jimat dan simpan yang pelajar mula amalkan, akan memberi manfaat bukan sahaja semasa di kampus malah membantu ketika memasuki alam pekerjaan kelak. Jadikan amalan pengurusan kewangan yang bijak sebagai sebahagian daripada rutin kehidupan bermula dari sekarang. Jom Celik kewangan!